

UNTUK SIARAN SEGERA

**KEMPEN ADVOKASI KESELAMATAN LEBUHRAYA SEMPENA
PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 2016
DI RESTORAN JEJANTAS SUNGAI BULOH ARAH UTARA (OBR SUNGAI BULOH) PADA
30 JUN 2016**

SUNGAI BULOH, 30 Jun 2016 – Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) telah melancarkan Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri 2016.

Kempen ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengguna lebuhraya tentang pemanduan secara berhemah ketika menggunakan lebuhraya semasa pulang ke kampung halaman masing-masing. Selain itu, kempen yang dilancar dengan menggunakan tagline **#Respeklabro** ini juga bertujuan untuk menangani isu keselamatan lebuhraya secara lebih holistik dengan melaksanakan intipati-intipati utama dalam lima tonggak strategik Pelan Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2014 – 2020, seperti berikut:

1. Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;
2. Mobiliti dan Jalan Raya yang lebih selamat;
3. Kenderaan yang lebih selamat;
4. Pengguna jalan raya yang lebih selamat dan;
5. Pengurusan pasca kemalangan

Kempen Advokasi **#Respeklabro** ini merupakan salah satu program keselamatan yang berteraskan pendidikan berterusan (continuous education programme). Kempen ini disasarkan kepada agen perubahan seperti pelajar-pelajar sekolah dan universiti dalam pendedahan nilai-nilai pemanduan berhemah dan bertimbang rasa di atas jalan raya.

Sempena sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, dijangka pertambahan trafik harian sebanyak 20% di Lebuhraya PLUS untuk ke Utara dan Selatan. Lebuhraya KL-Karak pula dijangka berlaku peningkatan sebanyak 70% aliran trafik. Justeru, pihak LLM, PDRM dan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya telah bersedia untuk membantu pengguna dengan langkah-langkah proaktif dalam melancarkan aliran trafik dan memastikan keselamatan sewaktu musim

perayaan. Pengguna dinasihatkan untuk mengikuti Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (Travel Time Advisory) bagi Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur yang telah disediakan oleh pihak PLUS Berhad dan ANIH Berhad. Pada masa yang sama, pengguna juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini daripada pusat pengurusan trafik TMC LLM yang beroperasi 24 jam sehari untuk perancangan perjalanan. Semasa musim perayaan, pihak Kerajaan telah mengeluarkan arahan henti kerja (stop work order) di lebuhraya kecuali kerja-kerja kritikal sahaja untuk tempoh 14 hari iaitu bermula dari 30 Jun 2016 sehingga 13 Julai 2016 bagi mengurangkan kesesakan di lebuhraya.

Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya amat menghargai pemberian diskaun dan rebat sempena musim perayaan oleh syarikat-syarikat konsesi sebagai tanda penghargaan dan CSR kepada pengguna lebuhraya yang mana ianya dapat mengurangkan beban perbelanjaan di musim perayaan ini.

Butiran lengkap lebuhraya tol yang menawarkan insentif berbentuk diskaun dan rebat tol kepada pengguna lebuhraya sempena cuti perayaan Hari Raya Aidilfitri 2016 adalah seperti berikut:-

TOL PERCUMA

BIL	LEBUHRAYA	TARIKH & MASA	KELAS KENDERAAN
1	MEX	6/7/2016 (12.00 pagi hingga 11.59 malam)	TOL PERCUMA SEMUA KELAS

REBAT

BIL	LEBUHRAYA	TARIKH REBAT	KADAR REBAT (%)	KELAS KENDERAAN
1	PLUS	4, 8 & 11/7/2016	30%	ETC KELAS 1 SAHAJA (PERJALANAN MELEBIHI 100KM)
2	SKVE	6 & 7/7/2016	10%	KELAS 1 SAHAJA
3	SILK	6/7/2016 (6.00 pagi) hingga 7/7/2016 (6.00 pagi)	10%	KELAS 1 SAHAJA

DISKAUN TOL

BIL	LEBUHRAYA	TARIKH DISKAUN	KADAR DISKAUN (%)
1	GUTHRIE	6/7/2016 (6.00 pagi) hingga 7/7/2016 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
2	LKSA	6/7/2016 (6.00 pagi) hingga 7/7/2016 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
3	AKLEH	6/7/2016 (6.00 pagi) hingga 7/7/2016 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
4	SMART	6/7/2016 (6.00 pagi) hingga 7/7/2016 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
5	KESAS	6/7/2016 (12.01 pagi hingga 11.59 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
6	KL – KARAK	6/7/2016 (12.00 pagi hingga 11.59 malam)	10% (SEMUA KELAS)
7	LPT 1	6/7/2016 (12.00 pagi hingga 11.59 malam)	10% (SEMUA KELAS)
8	DUKE	5/7/2016 (11.59 malam) hingga 6/7/2016 (12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
9	NPE	6/7/2016 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
10	BESRAYA	6/7/2016 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
11	LEKAS	6/7/2016 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA) Di Plaza Tol Ampangan
12	LDP	6/7/2016 (12.00 pagi hingga 11.59 malam)	Diskaun Kadar Rata RM0.60 (Semua Kelas)
13	SPRINT	6/7/2016 (12.00 pagi hingga 11.59 malam)	Diskaun Kadar Rata RM0.20 (Semua Kelas)
14	GRAND SAGA	6/7/2016 (12.01 pagi hingga 11.59 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)

15	GRAND SEPADU	6/7/2016 (12.01 pagi hingga 11.59 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
16	SDE	6/7/2016 (6.00 pagi) hingga 7/7/2016 (6.00 pagi)	10% (KELAS 1 SAHAJA)